

# KESEJAHTERAAN SOSIAL DALAM KEHIDUPAN BANDAR: PERSPEKTIF PENGHUNI KEJIRANAN BERPENGAWAL

## SOCIAL WELL-BEING IN URBAN LIFE: THE PERSPECTIVE OF GUARDED NEIGHBOURHOOD RESIDENTS

Alauddin Sidal<sup>1</sup> & Ooi Seong Kang<sup>2</sup>

### Abstract

This study focused on social well-being from the perspective of the residents of guarded neighbourhoods. The findings of this study indicated that the choice of the residents to live in guarded neighbourhoods actually reflect their values about desired well-being. From the perspective of 30 respondents in this study, the choice to live in a guarded neighbourhood was driven by security needs, preserving privacy, and fostering community ties. In this case, it was found that image and prestige of a neighbourhood seems not to be their primary consideration. Therefore, these findings suggest that factors of safety, privacy and neighbourhood relationships are the main elements that influence social well-being among residents who live in guarded neighbourhoods.

**Keywords:** guarded neighbourhood, social well-being, security, privacy, image, prestige

### Pengenalan

Dalam konteks kemajuan sosioekonomi, pertumbuhan bandar telah menyebabkan berlakunya transformasi kepada pola kehidupan penghuninya. Seringkali dinamika pembandaran yang pesat dan momentum sosioekonomi yang rancak telah berkonflik dengan kepentingan persekitaran dan kesejahteraan kehidupan. Oleh itu pembangunan dan pertumbuhan bandar yang pantas dan pesat tanpa perancangan dan kawalan sebenarnya membawa ancaman terhadap kesejahteraan sosial kehidupan (Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam 2011). Natijahnya, segala kemajuan yang sepatutnya dibanggakan hanya menjerus kepada permasalahan yang tidak diduga lantaran pembangunan ekonomi dan urbanisasi telah membawa sisi hodohnya bersama-sama, lalu berkontradiksi dengan kesejahteraan sosial dan mengakibatkan kemerosotan kepada kualiti kehidupan.

Melihat dari horizon lebih luas, kesejahteraan sosial dan kualiti hidup sebenarnya merupakan konsep yang sukar dijelaskan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji-pengkaji terdahulu berpendapat bahawa kesejahteraan, sama ada dilihat dari lensa objektif mahupun subjektif, memberi harapan yang sangat bermakna kepada peningkatan kualiti kehidupan penghuni bandar (Smith & Clay 2010; Zaimah et al. 2015). Ini kerana kesejahteraan membawa konotasi yang signifikan dan mendalam mengenai taraf kesihatan, kebahagiaan, kemajuan dan keselesaan (Abdul Samad Hadi et al. 2004). Namun begitu, berikutan kemaraan dan perluasan urbanisasi yang tidak terurus dan terancang telah menyebabkan terhakisnya kesejahteraan sosial kehidupan penghuni.

Dengan pelbagai masalah jenayah yang semakin sukar dibendung, isu-isu pencemaran alam sekitar, banjir kilat, kenaikan harga hartanah, pencerobohan penggunaan tanah serta kesesakan lalu lintas, maka aspek keselamatan, ketenteraman dan kemasyarakatan dalam kehidupan bandar kini telah mengalami dekadensi berbanding sebelumnya (Samruhaizad Samian @ Samion et al. 2014). Landskap kesejahteraan kehidupan yang semakin suram ini telah membawa kekhuatiran dalam kalangan penghuni bandar terhadap keselamatan dan kesejahteraan kehidupan mereka. Terdapat pandangan popular tentang hubungan berkadar songsang antara pemandaran dengan kesejahteraan sosial. Dikatakan semakin tinggi tahap pemandaran, kehidupan komuniti dianggap semakin terancam dan tidak selamat (Zurinah Tahir & Khadijah Hussin 2012; Sepideh Sedaghatnia et al. 2013).

Sebagai respons kepada pelbagai kekalutan ini, sebahagian penghuni yang berkemampuan dari segi sosioekonomi cenderung memilih untuk mendiami kejiranan berpagar dan berpengawal, yang dianggap sebagai alternatif terbaik untuk terus menikmati kesejahteraan dan ketenteraman kehidupan di bandar. Malahan dalam kes-kes tertentu, mereka yang mendiami kejiranan terbuka turut mewujudkan kawalan keselamatan berpagar atas inisiatif sendiri dan sanggup mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk membiayai kemudahan tersebut.

Kehidupan penghuni bandar yang berorientasikan kerjaya dan kesibukan juga menyebabkan hubungan sosial kejiranan dan kecenderungan berkemuniti menjadi semakin renggang. Di sini, mereka memilih perumahan berpagar atau berpengawal untuk interaksi sosial yang ringkas dan mengutamakan privasi, sesuai dengan gaya hidup berkerjaya. Kecenderungan ini dikatakan turut didorong juga oleh tanggapan akan pemilikan prestij dan status sosial sesebuah kawasan kejiranan yang didiami. Kepada penduduk bandar daripada golongan yang berkemampuan dari segi kewangan, kejiranan berpagar dan berpengawal menjadi pilihan utama mereka.

Kejiranan berbentuk ini dianggap sebagai pilihan terbaik yang dapat menawarkan satu bentuk kehidupan yang dapat memastikan kesejahteraan sosial iaitu menerusi kawalan keselamatan, privasi dan gaya hidup penduduk itu sendiri (Mayam Shabak et al., 2014). Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti aspek dan nilai kesejahteraan sosial yang menjadi fokus serta mempengaruhi kehidupan penduduk bandar – khususnya golongan kelas menengah – sehingga mendorong mereka memilih kawasan kejiranan berpengawal sebagai tempat tinggal.

## **Kesejahteraan Sosial dalam Kehidupan Kejiranan Bandar**

Kesejahteraan sosial merupakan konsep yang kabur dan membawa makna yang berbeza-beza kerana istilah ini sering digunakan secara bertukar ganti dengan istilah kebajikan sosial, kesejahteraan hidup dan kualiti hidup (Haris Abd. Wahab 2010). Sheldon dan Land (1972) telah mengenal pasti dua dimensi kesejahteraan sosial. Pertama, aspek kesejahteraan objektif mengenai keadaan fizikal bandar, contohnya pencemaran dan kesihatan individu. Kedua, aspek

kesejahteraan subjektif yang meliputi persepsi, seperti tahap kepuasan, aspirasi dan kebajikan individu.

Kesejahteraan sosial yang bersifat subjektif ini melibatkan komponen yang saling berkaitan iaitu kepuasan, perasaan dan emosi yang bersifat positif seperti rasa gembira, seronok dan puas hati; mahupun negatif seperti dukacita, sedih dan tidak puas hati (Diener & Suh 1997). Kehidupan seseorang itu boleh dianggap sebagai sejahtera berikutan perasaan seronok, gembira, selamat, disayangi dan dilindungi (Mohd Yusof Hussain et al. 2011). Sebaliknya apabila individu merasai tidak selamat, tidak seronok, tertekan, tidak puas hati dan dikelilingi masalah, gejala ini boleh membawa kepada kemerosotan kesejahteraan kehidupannya.

Kejiranan sebagai unit asas lingkungan tempat tinggal individu, merupakan tempat untuk penghuni bandar memperolehi kepuasan dan kesejahteraan kehidupan. Kajian-kajian lalu menunjukkan kepuasan terhadap kehidupan kejiranan memberi kesan terhadap kesejahteraan sosial penghuni (Sirgy et al. 2000; Sirgy & Cornwell, 2002). Lebih jauh dari itu lagi, para pengkaji mempercayai bahawa kepuasan terhadap kejiranan dan hubungan komuniti menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan sosial penghuni (Lee & Guest 1983; Hipp 2009). Sebaliknya, hubungan kemasyarakatan dan kejiranan yang longgar cenderung untuk mendorong lebih banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh penghuni, terutamanya dalam hal-hal keselamatan dan jaringan sosial (Katiman Rostam et al. 2011). Berdasarkan hujah tersebut, kepuasan terhadap situasi kejiranan merupakan indikator imperatif dalam menentukan kesejahteraan hidup individu (Sepideh Sedaghatnia et al. 2013).

Varuna de Silva (2002) mendapati terdapat dua komponen utama bagaimana kejiranan dapat mengekalkan kesejahteraan sosial penghuni iaitu elemen psikologi dan elemen psikologi. Elemen psikologi yang sangat berpengaruh adalah perlindungan keselamatan, bebas dari ancaman jenayah dan persekitaran yang menarik, manakala elemen psikologi pula terdiri daripada interaksi sosial, komuniti sejahtera dan kehidupan keluarga. Kajian Blakely dan Snyder (1997) mengenai kejiranan berpagar dan berpengawal di Amerika Syarikat, menyarankan empat nilai kesejahteraan sosial yang menjadi motivasi dan matlamat penghuninya iaitu kestabilan (persamaan dan ketenteraman), sentimen komuniti (solidariti kejiranan), keeksklusifan (keistimewaan atau prestij) dan keindividualan (pengekalan privasi). Secara tidak langsung, pemilihan terhadap mana-mana jenis komuniti berpagar dan berpengawal ini mencerminkan kehendak kepada nilai-nilai kesejahteraan hidup yang ditafsirkan menerusi ciri-ciri kediaman tersebut.

Faktor keselamatan yang sangat berkait rapat dengan kesejahteraan sosial dianggap menjadi pendorong utama kelompok penghuni kelas atasan untuk memilih kehidupan dalam kejiranan berpengawal (Scott 2002). Hujah ini adalah selari dengan tesis '*culture of fear*' yang diutarakan oleh Glassner (1999) di mana salah satu unsurnya ialah kebimbangan dan ketakutan kepada insiden dan kejadian jenayah. Sanchez dan Lang (2002) pula membahas selain daripada respons kepada ancaman jenayah, menghuni kediaman berpengawal adalah simbol status yang melambangkan prestij pemilik dan penghuni yang tinggal di kawasan tersebut.

Lebih jauh lagi, memilih untuk mendiami kejiranan berpagar dan berpengawal bukan sahaja didorong oleh faktor keselamatan dan kebimbangan terhadap jenayah tetapi juga kehendak untuk menghindari berlakunya ketidakselesaan, ketidakselesaan dan pencerobohan terhadap privasi kehidupan (Atkinson & Flint 2004; Glasze 2005). Mendiami kejiranan berpagar dengan itu membolehkan penghuni memperolehi kesejahteraan kehidupan yang dapat dikecapi menerusi akses mereka terhadap keselamatan, privasi, gaya, ruang dan prestij (Nur Azhani Adnan et al. 2014; Mayam Shabak et al. 2014; Thuraiya Mohd. et al. 2015).

## Kejiranan Berpagar (*Gated*) dan Berpengawal (*Guarded*): Konsep dan Trend

Semakin ketaranya pembangunan perumahan dan kejiranan berkonsepkan kawalan dan pengasingan, memperlihatkan kecenderungan penghuni terhadap ciri-ciri keinginan gaya hidup berteraskan keselamatan, privasi dan prestij (Mariana Mohammed Osman et al. 2011). Sekurang-kurangnya terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada perkembangan kejiranan berpagar atau berpengawal di negara ini iaitu pilihan penghuni terhadap keselamatan, gaya hidup (*lifestyle*) dan kemampuan ekonomi (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2009). Keperluan untuk memperolehi keselamatan yang lebih baik, cara hidup berprestij dan kecenderungan kepada privasi berikutan kemampuan ekonomi ini telah menarik penghuni bandar untuk memilih skim-skim kediaman yang menawarkan sistem kawalan kejiranan secara berpagar (*gated*) dan berpengawal (*guarded*).

Komuniti berpagar merupakan suatu kumpulan penduduk yang mendiami kawasan berpagar dan berpengawal, sama ada di kawasan bangunan kediaman berbilang tingkat (*high-rise property*) seperti pangsapuri, kondominium dan *town-house* atau di kawasan kediaman bertanah (*landed property*) seperti banglo, teres dan rumah berkembar (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 2010). Komuniti berpagar dan berpengawal mudah dikenalpasti menerusi kluster perumahan yang dikelilingi pagar atau tembok dengan kawalan terhadap akses masuk. Ciri-ciri kawalan yang disediakan adalah seperti sekatan di pintu masuk, rondaan keselamatan oleh pengawal berbayar setiap masa, sistem pemantauan berpusat dan kamera *closed circuit television* (CCTV).

Komuniti berpengawal pula merupakan satu kawasan kediaman terkawal secara keseluruhan atau sebahagiannya, di dalam skim-skim perumahan sedia ada atau baharu yang pegangan tanahnya berhakmilik individu (*individual land title*). Kemunculan kejiranan berpengawal ini semakin ketara di bandar-bandar besar dengan sebahagian kejiranan yang pada asalnya tidak dikategorikan di bawah skim ini, telah mengadakan sekatan pada laluan keluar-masuk kawasan perumahan untuk mengelakkan orang luar memasuki kawasan perumahan mereka. Skim kejiranan ini menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan sama ada dengan atau tanpa pondok pengawal.

Kebimbangan penduduk terhadap kes-kes jenayah setempat menyebabkan masyarakat mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan pembangunan perumahan berpagar atau berpengawal agar terselamat daripada ancaman jenayah. Kawalan ketat dan keselamatan rapi dapat menghindari pencerobohan penjenayah daripada melakukan aktiviti jenayah (Elhadary Y.A. 2014). Bukan sahaja kadar jenayah di kawasan kejiranan berkurangan, malah pembekal perkhidmatan seperti agen insuran, jurujual dan peminta sedekah turut dihalang untuk memasuki kediaman (Xavier 2008). Dengan itu, selain meningkatkan kawalan keselamatan, kejiranan ini dapat menyediakan privasi kepada para penghuninya supaya mereka berasa tenteram, selesa dan tidak terganggu.

Kebanyakan penghuni yang mendiami sesuatu kejiranan berpagar atau berpengawal juga kebiasaannya mempunyai kecenderungan yang hampir sama dari segi minat dan aktiviti yang dilakukan (Grant & Mittelsteadt 2004). Oleh itu, kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah untuk memenuhi gaya hidup dan cita rasa komuniti berkenaan. Kuasa beli dan kemampuan kewangan mendorong penghuni untuk memenuhi gaya hidup impian mereka. Satu daripada simbol gaya hidup sempurna adalah mendiami kejiranan berpengawal yang menampilkan imej dan prestij mewah, serta kehidupan eksklusif penghuninya (Thuraiya Mohd. et al. 2015).

## Kediaman Berpengawal Sebagai Opsyen Kepada Penghuni Bandar

Dengan mengambil dua buah kejiranan berpengawal yang dihuni oleh golongan kelas menengah di Selangor iaitu perbandaran Shah Alam dan Ampang, kajian ini bertujuan menerokai perspektif penduduk terhadap kesejahteraan sosial kehidupan. Di bandar raya Shah Alam, kawasan perumahan *Taman TBN* yang terletak di Seksyen 27 dan kawasan perumahan *The Istirio* di Taman Kosas, Ampang merupakan lokasi bagi kajian ini.<sup>3</sup> Kedua-dua kawasan kediaman ini memiliki persamaan dan perbezaan dari segi lokasi dan sosiodemografi.

Kedua-dua kawasan perumahan tersebut terletak berhampiran dengan lokasi utama ekonomi dan perbandaran, misalnya Seksyen 27 kira-kira 15 km ke pusat bandar raya Shah Alam, manakala jarak antara Ampang dengan metropolitan Kuala Lumpur pula hanya kira-kira 11-13 km sahaja. Jaringan perhubungan jalan raya dan lebuh raya yang lengkap membolehkan penghuni di kedua-dua kawasan kediaman tersebut mempunyai kemudahan akses dengan pelbagai prasarana sosial seperti kedai, pasar raya, pusat membeli belah, restoran, bank, stesen minyak, institusi pendidikan dan kawasan komersial. Namun berada di tengah-tengah perbandaran yang kian pesat berkembang, penghuni kedua-dua lokasi tersebut juga tidak terkecuali menghadapi cabaran persekitaran yang kompleks meliputi kesesakan lalu lintas dan jalan raya, keselamatan dan ketenteraman.

Kedua-dua kawasan perumahan yang menjadi fokus kajian ini telah mula didiami penghuninya sekitar tahun 2000 dan menjadi tumpuan penghuni golongan kelas menengah. Namun begitu, kediaman di Shah Alam merupakan perumahan bertanah (rumah teres dua tingkat), manakala kediaman di Ampang pula berbentuk apartmen. Kedua-dua kawasan perumahan tersebut didiami oleh pelbagai etnik, namun majoriti penghuni kediaman berpengawal di Shah Alam merupakan etnik Melayu, manakala sebahagian besar penghuni kediaman di Ampang terdiri daripada bukan Melayu (kebanyakannya etnik Cina dan India).

Kedua-dua kawasan kediaman tersebut pada mulanya merupakan kejiranan terbuka dan tidak berpengawal, namun begitu sebahagian besar penghuni kemudian bersetuju untuk melaksanakan model kejiranan berpengawal bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka. Justeru, berdasarkan transformasi kediaman tersebut, kedua-dua kejiranan bandar ini sesuai dijadikan lokasi bagi memenuhi tujuan kajian ini iaitu untuk melihat dengan lebih jelas tentang respons, ketutamaan dan pilihan sosial penghuni bandar dalam memastikan kesejahteraan kehidupan mereka terjamin. Dengan itu seramai 30 responden yang mendiami kedua-dua kejiranan iaitu 15 orang di *Taman TBN*, Shah Alam dan 15 orang lagi di *The Istirio* di Ampang telah memberikan pandangan mereka dalam kajian ini.

## Persepsi Mengenai Keselamatan

Dalam konteks negara ini, kajian-kajian lalu mendapati dorongan utama penghuni memilih untuk mendiami kejiranan berpagar dan berpengawal adalah faktor keselamatan (Nur Azhani Adnan et al. 2014; Siti Fatimah Mohd. Nasaruddin & Wan Rozali Wan Husin 2014). Kes-kes jenayah yang berlaku dalam kawasan kejiranan telah meningkatkan rasa terancam dan menimbulkan rasa bimbang mengenai keselamatan penghuni. Menerusi bentuk kejiranan berpagar dan berpengawal, selain kehadiran pengawal keselamatan, kejiranan ini turut dilengkapi dengan sistem keselamatan seperti pintu masuk berpaling, kamera CCTV, rondaan berkala, pencahayaan yang mencukupi waktu malam, reka bentuk jalan dan pas kenderaan. Sistem keselamatan ini membantu memberi keyakinan kepada penghuni untuk merasai selamat dan terjamin daripada ancaman.

Kajian ini mendapati ancaman keselamatan yang sering dihadapi di kawasan kajian adalah pecah rumah, kecurian kereta, ragut dan langgar lari. Kedua-dua kawasan perumahan yang menjadi lokasi kajian ini mempunyai jalan alternatif yang memberi kemudahan dan menjimatkan perjalanan orang awam dan penghuni kejiranan lain. Namun begitu, situasi ini menimbulkan kebimbangan dan rasa terancam penghuni kawasan berkenaan, terutamanya kanak-kanak yang terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya dan langgar lari. Keadaan ini diakui oleh responden-responden berikut:

'Dengan adanya sekatan pengawal di jalan masuk, kenderaan tidak akan semudahnya untuk keluar-masuk ke kawasan ini. Dalam masa yang sama keadaan ini dapat meningkatkan keselamatan, terutama kepada kanak-kanak.' (R6, 47 tahun, Shah Alam)

'The residential area routes connects to the main highway. Outsiders use our route as a shortcut - speeding that caused a few school kids killed, not to mention dumping unwanted pets.' (R19, 36 tahun, Ampang)

Dapatan kajian ini mendapati 96 peratus responden bersetuju dengan pelaksanaan konsep kejiranan berpengawal di tempat tinggal mereka. Penghuni mengakui masalah ragut, kecurian, pecah rumah dan kemalangan sering berlaku di kawasan mereka sebelumnya sehingga menimbulkan ancaman dan gangguan kepada keselamatan penduduk. Kebanyakan penghuni merasai mereka perlu bersepakat untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman kejiranan terpelihara menerusi kaedah kejiranan berpengawal. Sebagai langkah pencegahan, penduduk memilih untuk mengadakan sekatan bagi menghadkan aktiviti keluar-masuk kenderaan menerusi jalan yang terdapat dalam kawasan kejiranan mereka.

Kajian ini mendapati 85 peratus responden bersetuju penubuhan skim kejiranan berpengawal dapat mengurangkan kebimbangan penghuni terhadap perlakuan jenayah dalam kawasan kejiranan. Seorang responden menegaskan:

'Pernah berlaku samun bersenjata di kawasan perumahan ini sebelum ditubuhkan kejiranan berpengawal. Malah rumah saya juga hampir dipecah masuk kerana gril tingkap belakang rumah cuba dipotong waktu malam. Tetapi selepas diadakan kejiranan berpengawal ini, saya rasa lega kerana tidak pernah mendengar dan menghadapi kejadian seumpama itu.' (R3, 31 tahun, Ampang)

Oleh itu pewujudan skim kejiranan berpengawal di kawasan kajian telah dapat mengurangkan rasa terancam penghuni atau setidaknya-tidaknya dapat mewujudkan perasaan selamat. Penemuan ini selari dengan dapatan kajian Zurinah Tahir & Khadijah Hussin (2012) yang membuktikan kejiranan berpagar dan berpengawal merupakan konsep perumahan yang efektif untuk menjaga keselamatan penghuni menerusi perkhidmatan kawalan sepenuh masa.

## **Persepsi Mengenai Privasi**

Apabila penghuni kelas elit atau menengah merasai mereka perlu berbuat sesuatu untuk menjamin kesejahteraan kehidupan, pilihan mereka selalunya beralih kepada penyediaan perkhidmatan yang berbayar. Mereka sanggup berbuat demikian kerana berkemampuan dari segi kewangan dan berkecenderungan kepada privasi. Oleh itu komuniti kejiranan berpagar dan berpengawal biasanya menyediakan penghuni dengan perkhidmatan keselamatan,

penyelenggaraan jalan dan kemudahan, kemudahan rekreasi, kutipan sampah dan sebagainya secara persendirian. Menerusi trend yang sama, tadbir urus sistem secara persendirian (*privatisation*) ke atas taman permainan, kelab rekreasi dan kemudahan lainnya secara berbayar adalah mengarah kepada tujuan keselesaan dan menjaga privasi penghuni.

Kajian kes oleh Atkinson dan Flint (2004) di United Kingdom mendapati dorongan penghuni kejiranan berpengawal kepada privasi adalah sama kuatnya dengan kehendak terhadap jaminan keselamatan. Xavia Nõu (2014) dalam analisisnya telah menyebut mengenai '*protection of privacy and freedom*' sebagai salah satu elemen utama yang mempengaruhi golongan berkemampuan seperti kelas menengah untuk mendiami kejiranan berpengawal. Menurutnya, privasi dan kebebasan memilih gaya hidup menjadi dorongan kepada mereka untuk mendiami kejiranan berpengawal. Penghuni kejiranan berpengawal ini mengharapkan kehidupan yang bebas daripada '*congested and communal neighbourhoods*', seterusnya boleh memilih untuk tidak bergaul rapat dengan mereka yang tinggal di sekeliling (Pow 2007). Dalam situasi ini, warga kelas menengah beroleh kebebasan untuk menjalani kehidupan peribadi dan memperoleh privasi ruang domestik yang diharapkan.

Privasi mereka dicirikan menerusi pemilikan persendirian terhadap ruang, jalan dan kemudahan awam yang terdapat dalam kawasan kejiranan (Nur Azhani et al. 2014). Menerusi pemilikan persendirian, kemudahan-kemudahan tersebut hanya boleh dinikmati oleh penghuni dan tidak terbuka kepada orang luar. Kajian ini mendapati privasi merupakan faktor kedua dikemukakan oleh sebahagian besar responden selepas faktor keselamatan sebagai rasional pemilihan skim kejiranan berpengawal di kediaman mereka.

'Penduduk setuju dengan adanya sekatan melalui sistem pengawal, jadi kita adakan sistem kawalan seperti ini. Di samping dapat mengelakkan jenayah, kita juga dapat elakkan masalah lain seperti kemalangan dan meningkatkan privasi penduduk.'  
(R12, 44 tahun, Ampang)

Aspek penggunaan ameniti dan kemudahan turut mendorong mereka bersetuju dengan penubuhan kejiranan berpengawal untuk membolehkan penghuni berkongsi segala kemudahan yang ada seperti tempat riadah dan premis beribadat (surau). Skim kejiranan tertutup ini membolehkan akses dan penggunaan kemudahan di kawasan kejiranan dinikmati sepenuhnya oleh penghuni. Dengan itu, mereka dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan seperti surau dan tempat riadah yang disediakan tanpa perlu berkongsi dengan orang luar.

## Persepsi Mengenai Ikatan Sosial

Pembentukan sempadan fizikal dan menghadkan akses kepada orang luar boleh menjadi satu cara untuk penghuni membina dan meneguhkan perasaan solidariti kejiranan. Dalam konteks ini, ikatan sosial kejiranan mempengaruhi kepuasan penghuni kepada kehidupan komuniti (Lee & Guest 1983; Hipp 2009). Malah dikatakan interaksi dan solidariti komuniti menjadi penentu yang signifikan kepada kepuasan dan kualiti kehidupan mereka (Rogers & Sukolratanamete 2009). Menerusi lokasi fizikal dan ruang kejiranan tertentu, penghuni dapat merasai perhubungan sosial yang terjalin antara mereka (Siti Rasidah Md. Sakip et al. 2012).

Hubungan kejiranan memberi sumbangan bermakna kepada kesepaduan sosial dan sentimen berkomuniti (Forrest & Kearns 2001). Hubungan kejiranan yang baik boleh dizahirkan menerusi penglibatan penduduk dalam aktiviti yang dijalankan bersama-sama seperti gotong-royong dan penganjuran majlis-majlis tertentu. Oleh itu, hubungan kejiranan yang berkualiti

menjadi satu kriteria bagi membolehkan penghuninya menjalani kehidupan yang tenteram dan sejahtera. Menerusi hubungan kejrangan ini, penghuni boleh duduk bersekali dan berinteraksi untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan, membentuk persefahaman dan melaksanakan program-program tertentu untuk mencapai kepentingan bersama.

Masyarakat yang saling memahami dan menerima boleh membentuk solidariti sosial yang kukuh. Oleh itu, kefahaman dan penerimaan antara anggota masyarakat merupakan faktor penentu kepada kelestarian kesejahteraan hidup. Keadaan ini secara tidak langsung turut dapat mengurangkan tekanan penduduk akibat beban kehidupan dan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Jadual 1: Aktiviti Sosial Penghuni Kejrangan Berpengawal

<b>Jenis-Jenis Aktiviti Kemasyarakatan</b>		
Menyertai gotong-royong membersihkan kediaman	Menghadiri mesyuarat persatuan penduduk dan perjumpaan tertentu	Menghadiri ceramah agama
Mengadakan majlis dan jamuan makan sempena perayaan	Menggunakan kemudahan bersama-sama (gimnasium, sauna dan kolam renang)	Menghadiri kenduri-kendara anjuran individu penghuni

(Sumber: Kajian Lapangan)

Responden mengakui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh komuniti seperti gotong-royong dan jamuan makan dapat meningkatkan interaksi dan integrasi sosial antara penghuni. Selain itu, aktiviti berunsur keagamaan juga menjadi pemupuk kepada hubungan sosial kemasyarakatan dalam komuniti yang dikaji iaitu seperti diakui responden berikut:

'Hubungan komuniti di dalam kawasan kejrangan ini adalah baik dan banyak aktiviti kemasyarakatan diadakan dari semasa ke semasa seperti gotong-royong dan ceramah agama di surau.' (R2, 52 tahun, Shah Alam)

Bagi responden lain, hubungan sosial yang baik terjalin antara anggota komuniti kejrangan menerusi kewujudan jawatankuasa penduduk yang berperanan instrumental untuk menggerakkan masyarakat dalam bentuk interaksi dan hubungan sosial. Badan yang mewakili penduduk ini telah melaksanakan kawal selia, mengurus hal-ehwal kemasyarakatan dan mengatur aktiviti sosial setempat.

Namun begitu, solidariti sosial bukan satu perkara yang mudah terbentuk dan menjadi kenyataan. Segelintir penghuni didapati tidak begitu bersetuju menyertai skim komuniti berpengawal ini disebabkan isu-isu tertentu. Pertama, penentuan yuran bayaran yang tidak jelas dan tidak selaras menyebabkan terdapat penghuni yang kurang memberi komitmen kepada skim komuniti berpengawal ini.

'Saya rasa faktor bayaran memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada seseorang itu akan menyertai skim kawalan keselamatan ini, apatah lagi apabila mereka melihat terdapat perbezaan bayaran kawalan keselamatan antara satu komuniti dengan komuniti lain yang berhampiran.' (R13, 29 tahun, Shah Alam)



Kedua, sebahagian penghuni yang menyewa merasai mereka tidak perlu untuk memberi komitmen sepenuhnya kerana boleh berpindah jika merasai kejiranan tersebut tidak lagi kondusif untuk didiami. Ketiga, segelintir penduduk merasakan keperluan untuk mewujudkan skim kejiranan berpengawal di kawasan kediaman mereka agak kurang mendesak kerana berpendapat ancaman jenayah yang berlaku tidak menggugat keselamatan diri dan keluarga. Tambahan pula mereka ini beranggapan aktiviti jenayah boleh dikekang dengan cara pemasangan sistem keselamatan di premis kediaman sendiri tanpa perlu mengharapkan pengawasan pihak ketiga.

Selain isu bayaran, sentimen etnik juga dapat dikesan daripada penghuni Melayu yang mendiami kejiranan berpengawal yang majoriti penghuninya adalah bukan Melayu. Menurut seorang daripada responden berkenaan:

'Kadang-kadang timbul juga rasa tidak selesa apabila jiran membawa rakan-rakan sekaum daripada luar yang tidak dikenali dan berbeza cara hidup.' (R4, 34 tahun, Ampang)

Namun begitu, pengkaji mendapati ketidakselesaian responden tersebut bukanlah disebabkan kerana perbezaan etnik, tetapi lebih disebabkan beliau tidak mengenali latar belakang dan mengetahui tingkah laku 'orang asing' yang dibawa oleh jirannya.

Kajian ini mendapati interaksi sosial kurang berlaku antara penghuni dengan penduduk lain yang tinggal di luar daripada kejiranan tersebut. Sekatan fizikal yang dibina oleh penghuni yang bertujuan menghadkan akses penduduk luar daripada turut menggunakan jalan-jalan dalam kawasan kejiranan mereka telah menjadi halangan utama. Reka bentuk fizikal dan kawalan keselamatan oleh pengawal menyebabkan pergerakan komuniti luar terbatas untuk mengakses masuk ke dalam lokasi kejiranan tersebut. Oleh itu, bukan sahaja mereka dihalang daripada menggunakan kemudahan sosial yang terdapat dalam kejiranan, malah akses laluan kepada jalan dan pergerakan turut tersekat.

Apabila jalan yang biasa digunakan telah terhalang, sekatan ini menyebabkan masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan tersebut terpaksa menggunakan jalan alternatif yang jaraknya lebih jauh (Rabitah Azhar & Syarifah Rohayah Sheikh Dawood 2014). Keadaan ini telah menyumbang kepada berlakunya pemisahan sosial antara segmen dalam masyarakat dan membentuk jurang interaksi. Sekiranya berlarutan, pengasingan ini boleh mengakibatkan berlakunya segregasi sosial antara komuniti, yang mungkin bakal berakhir dengan kesukaran untuk membina kesepaduan dan solidariti komuniti bandar.

## Persepsi Mengenai Prestij

Pemerhatian di lokasi kajian menunjukkan sekatan-sekatan telah diadakan di pintu utama memasuki kejiranan. Di salah satu kawasan kajian, halangan manual seperti 'boom gate' dilakukan dengan meletakkan tong-tong sebagai halangan kepada pergerakan kenderaan keluar dan masuk. Kedudukan tong-tong yang tidak kemas tersebut sebenarnya tidak mencerminkan imej kejiranan yang berprestij. Bagaimanapun keadaan ini dapat difahami kerana kejiranan ini diwujudkan secara *ad-hoc* berdasarkan persetujuan penghuni untuk menukar kediaman mereka sebagai kawasan berpengawal (*guarded*). Justeru, motif utama kejiranan tersebut dijadikan kediaman berpengawal adalah lebih menjerus kepada aspek keselamatan dan privasi.

Meskipun responden berpendapat kawalan keselamatan di kawasan kediaman mereka telah memadai untuk mencegah jenayah, namun mereka turut menyarankan pelbagai perkara. Di salah satu kawasan kajian, responden berpendapat perlu dibina satu pos (rumah) kawalan keselamatan yang lengkap dengan palang penghadang secara binaan kekal. Mereka juga mencadangkan agar akses menerusi kawalan keselamatan untuk penghuni dibuat melalui kad pintar. Selain itu, terdapat responden yang mencadangkan supaya syarikat kawalan keselamatan menyediakan kamera litar tertutup di kawasan pintu keluar-masuk kenderaan.

Menurut mereka cadangan-cadangan tersebut adalah untuk memperkemas kawalan keselamatan dan keluar-masuk kenderaan, bukan untuk meningkatkan imej dan prestij kejiranan. Selari dengan penemuan Mariana Mohammed Osman et al. (2011), kebanyakan responden mengakui bahawa kehidupan dalam kejiranan berpengawal adalah lebih untuk memperoleh jaminan keselamatan, bukan untuk tujuan mengecapi prestij atau status kehidupan.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Penghuni sesuatu kediaman dapat menikmati kesejahteraan sosial menerusi hubungan kejiranan yang baik, pengurangan kadar jenayah, penjanaan pembangunan ekonomi serta penjagaan kebajikan sosial masyarakat. Mendiami kawasan kejiranan yang kondusif mampu meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan hidup penduduk (Abdul Ghani Salleh & Nurwati Badarulzaman 2012). Berkaitan hal tersebut, hubungan kejiranan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan pemahaman tentang perasaan hormat-menghormati sesama penghuni (Forrest & Kearns 2001).

Kawalan keselamatan dalam bentuk pagar, tembok atau pengawal memberi kesan positif kepada perasaan selamat dan dilindungi bukan sahaja dari segi fizikal, bahkan juga aspek privasi (Zurinah Tahir & Khadijah Hussin 2012). Justeru, isu yang berkaitan dengan keselamatan merupakan sebahagian daripada faktor penentu status kesejahteraan hidup penduduk bandar. Keselamatan merupakan petunjuk penting dalam menentukan kualiti hidup masyarakat bandar (Sirgy 2011; Siti Rasidah Mohd. Sakip et al. 2013). Bagi penduduk dalam kejiranan berpengawal, keselamatan merupakan penentu kepada tahap kesejahteraan mereka. Disebabkan itu, berbanding kejiranan lain, keselamatan kejiranan berpagar lebih terkawal kerana dilengkapi ciri-ciri seperti pagar atau tembok, rondaan keselamatan, sistem kawalan keselamatan, interkom, CCTV dan pengawal keselamatan di pintu masuk.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa faktor keselamatan merupakan pertimbangan utama penghuni dalam membuat keputusan untuk mengubah bentuk kejiranan mereka daripada terbuka kepada kejiranan berpagar dan berpengawal. Sepertimana penemuan Mariana Mohammed Osman et al (2011), kajian ini mendapati sebahagian besar responden merasai keselamatan mereka dan keluarga lebih terjamin dalam persekitaran kehidupan kejiranan tersebut. Kajian ini mendapati tinggal dalam lokasi kejiranan berpengawal dapat memberi keyakinan kepada penghuni mengenai keselamatan dan mengikis rasa *fear of crime*.

Segelintir responden bagaimanapun berasa ragu-ragu inisiatif kejiranan berpengawal dapat menjamin keselamatan penghuni. Namun begitu tinjauan selanjutnya mendapati keraguan responden ini bukanlah ke atas konsep kejiranan berpengawal itu, sebaliknya lebih disebabkan kaedah pelaksanaannya. Mereka berpendapat pengawal keselamatan yang dipilih adalah tidak memenuhi kriteria dan dianggap tidak berkelayakan. Syarikat kawalan keselamatan yang dilantik menghadapi kesulitan untuk memenuhi syarat kewarganegaraan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Akhirnya, syarikat terpaksa melantik warga negara asing

(Bangladesh dan Myanmar) sebagai pengawal keselamatan di kejiranan tersebut sehingga menimbulkan ketidakpuasan sebahagian penghuni.

Mendiami kejiranan berpagar atau berpengawal memberikan impak rasa kepunyaan atau *sense of community* dalam kalangan penghuni (Blandy & Lister 2005). Menjalinkan hubungan sosial dan memiliki ikatan sosial yang erat dalam kejiranan boleh menjamin kesejahteraan hidup penghuni (Rogers & Sukolratanamete 2009). Kajian ini mendapati interaksi antara sesama penghuni membolehkan mereka membentuk ikatan sosial kejiranan yang kondusif. Kajian ini juga mendapati mekanisme sosial bersifat formal seperti persatuan penduduk mempunyai peranan penting dalam pembentukan ikatan sosial penghuni meskipun terdapat pandangan mengatakan kejiranan berpagar menyebabkan semangat kejiranan semakin menipis sehingga memaksa penduduk untuk bergantung kepada pihak ketiga dalam penjagaan keselamatan (Manzi & Bowers 2005). Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bentuk ikatan sosial (*social bonding*) yang wujud adalah terhad iaitu terjalin dalam kalangan penghuni komuniti berkenaan sahaja, tanpa melangkaui sempadan kejiranan tersebut.

Mengenai ikatan sosial ini juga, terdapat hambatan tertentu yang terus menjadi permasalahan. Segelintir penghuni agak keberatan untuk membayar yuran keselamatan bulanan yang dianggap tidak jelas dan tidak selaras berdasarkan perbandingan dengan kejiranan berpengawal lain. Segelintir penghuni lagi beranggapan aktiviti jenayah boleh ditekang dengan cara pemasangan sistem keselamatan di premis kediaman mereka tanpa perlu mengharapkan pengawasan pihak ketiga. Kedua-dua insiden tersebut menunjukkan meskipun kejiranan berpengawal dapat membentuk ikatan sosial antara penghuni, namun unsur-unsur materialistik dan individualistik dalam kehidupan penghuni bandar tetap ketara.

## Kesimpulan

Kajian ini melihat kesejahteraan sosial dari perspektif penduduk kejiranan berpengawal dengan mengambil rujukan kepada dua lokasi perumahan yang pada mulanya tidak berpengawal tetapi kemudian telah diubah menjadi kejiranan berpengawal atas kehendak dan pilihan sebahagian besar penghuninya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan penghuni terhadap 'transformasi kejiranan' ini sebenarnya mencerminkan nilai-nilai kesejahteraan hidup yang menjadi keutamaan mereka. Kes-kes jenayah yang berlaku dalam kawasan kejiranan telah meningkatkan rasa terancam dan menimbulkan kegusaran penghuni mengenai keselamatan. Justeru, mendiami kejiranan berpengawal di kawasan kajian dapat mengurangkan rasa terancam penghuni atau setidaknya dapat mewujudkan perasaan selamat daripada insiden ragut, kecurian, pecah rumah dan kemalangan yang sering berlaku di kawasan mereka sebelumnya sehingga menimbulkan ancaman dan gangguan kepada keselamatan penduduk. Selanjutnya, '*protection of privacy and freedom*' merupakan salah satu elemen utama yang mempengaruhi golongan berkemampuan seperti kelas menengah untuk mendiami kejiranan berpengawal. Menerusi 'pemilikan persendirian' terhadap ruang, jalan dan kemudahan awam yang terdapat dalam kawasan kejiranan, dapat memastikan kemudahan-kemudahan tersebut hanya boleh dinikmati oleh penghuni dan tidak terbuka kepada orang luar. Pembentukan sempadan fizikal dan menghadkan akses kepada orang luar untuk memanfaatkan kemudahan kejiranan ini boleh menjadi satu cara untuk penghuni membina dan meneguhkan perasaan solidariti kejiranan. Kajian ini mendapati hubungan sosial yang terjalin antara anggota komuniti kejiranan dapat diperkukuh menerusi kewujudan jawatankuasa penduduk yang berperanan instrumental untuk menggerakkan penghuni dalam bentuk interaksi dan hubungan sosial yang lebih kerap. Pada masa yang sama, kajian ini tidak menemui nilai prestij kejiranan sebagai faktor yang menjadi

pilihan penting penghuni untuk mendiami kejiranan mereka. Sebagai rumusan akhir, dapatan kajian ini menyarankan bahawa faktor keselamatan, privasi dan hubungan sosial kejiranan merupakan elemen utama yang mempengaruhi kesejahteraan sosial kehidupan penghuni kejiranan berpengawal.

## Endnotes

---

<sup>1</sup> Dr. Alauddin Sidal merupakan mantan Felo Penyelidik Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau kini bertugas sebagai Ketua Kluster Penyelidikan Pembangunan dan Dasar di institut yang sama.

<sup>2</sup> Ooi Seong Kang pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau kini merupakan Pengarah Bahagian Penyelidikan Pengurusan di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

<sup>3</sup> Bagi maksud penulisan ini, *Taman TBN* di Shah Alam dan *Kediaman The Istirio* di Ampang adalah nama pseudo yang diberikan oleh penyelidik kepada kedua-dua lokasi kajian.

## Rujukan

- Abdul Ghani Salleh & Nurwati Badarulzaman. 2012. Quality of Life of Residents in Urban Neighbourhoods of Pulau Pinang, Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries* 17(2): 117-123.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah. 2004. Persekitaran Bandar Lestari untuk Kesejahteraan Komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management* 5: 3-29.
- Atkinson, R. & Flint, J. 2004. Fortress UK? Gated Communities, the Spatial Revolt of the Elites and Time-Space Trajectories of Segregation. *Housing Studies* 19(6): 875-892.
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah, Kadarudin Aiyub. 2008. Penilaian Makna Kualiti Hidup dan Aplikasinya dalam Bidang Pengurusan Persekitaran di Malaysia. *Akademika* 72 (Januari): 45-68.
- Blakely, E. J. & Snyder, M. G. 1997. Devided We Fall: Gated and Walled Communities in the United States. In *Architecture of Fear*. Ellin, N. (ed.). New York: Princeton Architectural Press.
- Blandy, S. & Lister, D. 2005. Gated Communities: (Ne)Gating Community Development? *Housing Studies* 20(2): 287-301.
- Diener, E., & Suh, E. 1997. Measuring Quality of Life: Economic, Social and Subjective Indicators. *Social Indicators Research* 40: 189-216.
- Forrest, R. & Kearns, A. 2001. Social Cohesion, Social Capital and the Neighbourhood. *Urban Studies* 38(12): 2125-2143.
- Glassner, B. 1999. *The Culture of Fear: Why Americans are Afraid of the Wrong Things*. New York: Basic Books.
- Glasze, G. 2005. Some Reflections on the Economic and Political Organisation of Private Neighborhoods. *Housing Studies* 20(2): 221-233.
- Grant, J. & Mittelsteadt, L. 2004. Types of Gated Communities. *Environment and Planning B: Planning and Design* 31: 913-930.

- 
- Haris Abd.Wahab. 2010. *Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator*. Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam, 24-25 Februari.
- Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam. 2011. *Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ketiga, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 8-10 Februari.
- Hipp, J. R. 2009. Specifying the Determinants of Neighborhood Satisfaction: A Robust Assessment in 24 Metropolitan Areas. *Social Forces* 88(1): 395-424.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. 2009. *Kajian Kesesuaian Pelaksanaan 'Gated and Guarded Community' di Malaysia*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. 2010. *Garis Panduan Perancangan Gated Community and Guarded Neighbourhood*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Katiman Rostam, Er Ah Choy, Zaini Sakawi & Aishah@Esah Hj. Mohammad. 2011. Pemandaran di Pinggir Wilayah Metropolitan Lanjutan: Beberapa Implikasi Terhadap Corak dan Kualiti Kejiranan. *Akademika* 81(3): 19-29.
- Lee, B. A. & Guest, A. M. 1983. Determinants of Neighborhood Satisfaction: A Metropolitan-Level Analysis. *The Sociological Quarterly* 24(2): 287-303.
- Manzi, T. & Bowers, B.S. 2005. Gated Communities as Club Goods: Segregation or Social Cohesion? *Housing Studies* 20(2): 345-359.
- Mariana Mohamed Osman, Noor Suzilawati Rabe & Syahriah Bachok. 2011. *An Investigation of Factors Influencing Communities Decision to Reside in Gated Development in Kuala Lumpur and Selangor*. 11<sup>th</sup> International Congress of Asian Planning Schools Association (APSA 2011), 19-21 September 2011, University of Tokyo Hongo Campus, Tokyo, Japan.
- Mayam Shabak, Nima Norouzi, Aminatuzuhariah Megat Abdullah & Tareef Hayat Khan. 2014. Evaluating Common Spaces in Residential Communities: An Examination of the Relationship between Perceived Environmental Quality of Place and Residents' Satisfaction. *Life Science Journal* 11(11): 127-131.
- McKenzie, E. 2003. Common interest housing in the communities of tomorrow, *Housing Policy Debate* 14 (1/2): 203-234.
- Mohd. Yusof Husain, Mohamad Shahrudin Samsurijan, Suraiya Ishak, Abd. Hair Awang. 2011. Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 7(3): 36-44.
- Mohd Yusof Hussain, Azima Abdul Manaf, Zaimah Ramli & Suhana Saad. 2011. Kesejahteraan Sosial Masyarakat Nelayan: Kajian Kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 7(Special Issue): 80- 90.
- Nur Azhani Adnan, Norjariah Arif, Zarina Shamsudin, Khadijah Md. Ariffin, Marina Osman & Noralfishah Sulaiman. 2014. Practice of Gated Communities Development in Malaysia: Towards Sustainable Communities. 7th International Real Estate Research Symposium (IRERS 2014), National Institute of Valuation (INSPEN), Putrajaya. 29-30 April.
- Pow, C. P. 2007. Constructing A New Private Order: Gated Communities and the Privatization of Urban Life in Post-Reform Shanghai. *Social and Cultural Geography* 8(6): 813-833.
- Rabitah Azhar & Syarifah Rohayah Sheikh Dawood. 2014. Pelaksanaan Konsep Perumahan Komuniti Berpagar dalam Pembangunan Lestari di Petempatan Bandar. Dlm. *Isu-Isu*

- Petempatan Bandar di Malaysia*. Jabal Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad (ed.). Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Samruhaizad Samian @ Samion, Jamaluddin Md. Jahi & Azahan Awang. 2014. Isu Perbandaran dan Kualiti Hidup Penduduk Pinggir Bandar. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1): 63-75.
- Sanchez, T. & Lang, R. 2002. Security versus Status: The Two Worlds of Gated Communities Draft Census. Note 02:02 November: Metropolitan Institute at Virginia Tech.
- Scott, A. J. (ed.) 2002. *Global City-Regions Trends, Theory and Policy*. Oxford: Oxford University Press.
- Sepideh Sedaghatnia, Hasanuddin Lamit, Amir Ghahramanpouri & Sapura Bt Mohamad. 2013. An Evaluation of Residents Quality of Life through Neighborhood Satisfaction in Malaysia. *Environmental Management and Sustainable Development* 2(1): 114-125.
- Sheldon, E.B. & Land K.C. 1972. Social Reporting for the 1970s: A Review and Pragmatic Statement. *Policy Sciences* 3:137-151.
- Sirgy M. J. 2011. Theoretical Perspectives Guiding QOL Indicator Projects. *Social Indicator Research* 103: 1-22.
- Sirgy, M. J. & Cornwell, T. 2002. How neighborhood features affect quality of life. *Social Indicators Research*, 59(1): 79-114.
- Sirgy, M. J., Rahtz, D., Cicic, M. & Underwood, R. 2000. A method for assessing residents' satisfaction with community-based services: A quality of life perspective. *Social Indicators Research*, 49(1): 279-316.
- Siti Fatimah Mohd. Nasaruddin & Wan Rozali Wan Husin. 2014. Prinsip Keselamatan dan Kehidupan Berprestij dalam Perumahan Komuniti Berpagar di Bandar. Dlm. *Isu-Isu Petempatan Bandar di Malaysia*. Jabal Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad (ed.). Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Siti Rasidah Md. Sakip, Noraini Johari & Mohd. Najib Mohd. Salleh. 2012. Sense of Community in Gated and Non-Gated Residential Neighbourhoods. ASEAN Conference on Environment-Behavior Studies, Bangkok, Thailand, 16-18 July.
- Siti Rasidah Md. Sakip, Noraini Johari & Mohd. Najib Mohd. Salleh. 2013. Perception of Safety in Gated and Non-Gated Neighborhoods. ASEAN Conference on Environment-Behavior Studies, Hanoi Architectural University, Hanoi, Vietnam, 19-22 March.
- Smith C. L. & Clay, P. M. 2010. Measuring Subjective and Objective Well-Being: Analyses From Five Marine Commercial Fisheries. *Human Organization* 69(2): 158-168.
- Thuraiya Mohd., Noraini Johari & Rahaya Abdul Ghani. 2015. Satisfaction Level of Gated and Guarded Community Residents (Case Study: Meru Hills, Ipoh). AMER International Conference on Quality of Life. Millennium Hotel, Sirih, Jakarta, 25-27 April.
- Xavia Nõu. 2014. Communities Behind Walls? Exploring the Actual and Prospective Social Outcomes of Gated Communities. GEOView. Accessed 10 Sept. 2015 (<http://geoview.iag.org.au/index.php/GEOView/article/view/37/36>).
- Xavier, G. 2008. Gated and Guarded Community - Security Concerns for Elitist Practice? Paper presented at the 5th Asian Law Institute Conference, Singapore. Accessed 9 Sept. 2015 (<http://eprints.um.edu.my/13513/1/0001.pdf>).
- Yasin Abdalla Eltayeb Elhadary. 2014. Living Behind the Wall and Socio-Economic Implications for Those Outside the Wall: Gated Communities in Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*. 2(2): 1-9.
- Zurinah Tahir & Khadijah Hussin. 2012. Security Aspects of Gated Community Housing and the Concept of Safe Townships. *Chinese Business Review* 11(2): 242-250.

Zaimah, R., Suhana Saad, Azima, A. M., Mohd Yusof Hussain, Mohd Samsudin, Mustaffa Omar & Ishak Yussof. 2015. Kesejahteraan subjektif: Kajian kes nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 11(2): 87-94.